

## FAKTA NOMBOR

25  
pelajar

USIM yang menyertai Program Pembangunan Kompetensi Mutawwif 2014

10  
hari  
pengalaman sepanjang di Makkah dan MadinahMenimba ilmu sebagai  
**mutawwif**Jemaah umrah **diberi penerangan oleh peserta program** mengenai tempat yang dilawati.

**Kuala Lumpur:** Menjejakkan kaki ke kota Makkah dan Madinah memberi seribu satu pengalaman kepada sekumpulan 25 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menyertai Program Pembangunan Kompetensi Mutawwif 2014.

Pensyarah Fakulti Ke-pimpinan dan Pengurusan (FKP) USIM merangkap penyelarasan program, Dr Khairunneezam Mohd

Noor, berkata program diadakan bagi melahirkan mutawwif muda yang lebih dikenali sebagai pembantu jemaah yang berperanan menjaga kebajikan jemaah.

Katanya, peserta yang dipilih perlu memiliki keperibadian baik, berpengetahuan mengenai hukum-hukum menjalankan ibadat umrah selain berkemahiran bertutur dalam bahasa Arab dan

Inggeris dengan baik.

“Program ini mendedahkan peserta terhadap pengetahuan secara praktikal selepas pembelajaran secara teori diperoleh di universiti sebagai persediaan awal menceburi bidang kerjaya berkenaan selepas tamat pengajian kelak.

“Kos perbelanjaan peserta termasuk tambang perjalanan, penginapan, makan dan minum dan urusan ziarah ditanggung sepenuhnya Kementerian Pendidikan di bawah Dana Kebolehpasaran Graduan Institut Pengajian Tinggi,” katanya.

**Kendali jemaah**

Katanya, program berkenaan dijayakan dengan peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Dana Ke-

bolehpasaran Graduan Institut Pengajian Tinggi Malaysia.

Peserta, Amal Abdul Aziz, berkata pengalaman sepanjang 10 hari di Makkah dan Madinah cukup menguja apabila berpeluang merasai suasana sebenar berkaitan aspek pengendalian jemaah umrah.

Katanya, kebajikan jemaah khusus warga emas menjadi keutamaan demi memastikan mereka berupaya melakukan ibadah sebaik mungkin.

“Pendedahan dan bimbingan diberikan HM Global Charter Travel Sdn Bhd sebelum ini banyak membantu memudahkan tugas yang diberikan kepada kami.

“Antara tanggungjawab yang perlu dilakukan ialah mengendalikan urusan jemaah di lapangan terbang, penyelarasan bagasi, pemeriksaan imigresen dan taklimat penerangan setiap kali sesi ziarah di lokasi terpilih,” katanya.



Peserta sibuk menguruskan bagasi jemaah.